

KENYATAAN MEDIA

15 APRIL 2017

Suruhanjaya Tenaga
(*Energy Commission*)
12, Jalan Tun Hussein
Precinct 2
62100, Putrajaya
Malaysia
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)

Mempromosi Kecekapan Tenaga Melalui *EE Run 2017*

Putrajaya, 15 April – Suruhanjaya Tenaga (ST) sekali lagi menganjurkan acara larian *Energy Efficiency Run 2017* atau lebih dikenali sebagai *EE Run 2017*, sebagai usaha untuk mempromosi penggunaan tenaga secara cekap serta menggalakkan gaya hidup sihat.

Selain kakitangan ST, larian ini disertai oleh 1,500 peserta dari pelbagai usia termasuklah pelajar, kakitangan awam, penduduk setempat dan kawasan-kawasan sekitar. ST turut menjemput pelajar-pelajar sekolah di sekitar Putrajaya di mana enam sekolah setuju untuk menghantar wakil.

Pengerusi ST, Dato' Abdul Razak bin Abdul Majid dalam ucapannya berkata menggunakan tenaga secara cekap merupakan inisiatif jangka panjang bagi mengimbangi bahan api fosil seperti arang batu dan gas dengan tenaga boleh baharu yang diberikan oleh alam semulajadi.

"Sebagai pengguna tenaga, adalah penting supaya hasrat berkenaan kecekapan tenaga bermula dengan diri kita sendiri. Walaupun dengan tenaga boleh baharu, penggunaan tenaga secara berhemah dan pemuliharaan perlu dijadikan gaya hidup bagi memastikan bekalan tenaga yang terjamin, sambil merancang untuk menyerahkan bumi yang mampan kepada generasi akan datang," katanya.

Setiap peserta yang menamatkan larian ini layak menerima *finisher medal* manakala pemenang pertama hingga kesepuluh bagi setiap kategori akan menerima hadiah wang tunai. Pemenang pertama hingga ketiga akan turut diberikan trofi penghargaan.

Selain acara larian, tapak pameran dan aktiviti permainan dan kuiz mengenai kecekapan tenaga turut disediakan.

Larian ini buat julung kalinya diadakan pada 2011 dengan nama Larian Tenaga 2011 sempena sambutan ke 10 tahun ST. Memandangkan sambutan yang diterima amat menggalakkan, acara ini diadakan dua tahun sekali sejak itu, dengan nama Energy Efficiency Run (EE Run).

Larian ini juga merupakan salah satu inisiatif melalui kempen berterusan ST iaitu 'Jadilah Bijak Tenaga'. Kempen ini bertujuan menggalakkan masyarakat untuk menggunakan tenaga secara cekap dan berkesan. Selain EE Run, ST turut mengadakan pameran, ceramah dan seminar termasuk di kalangan pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi di seluruh negara untuk kempen ini. ST turut mempromosikan kempen 'Jadilah Bijak Tenaga' ini di media massa, *billboard* dan media sosial sepanjang tahun.

Tamat

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali/Syarizman Mansor

Unit Promosi & Komunikasi

Tel: +603 8870 8500/+603 8870 8554/+6013 2183778 (Zairulliati)/+6019 3134543 (Syarizman)

Faks: +603 8888 8636

Emel: sitisuhaila@st.gov.my/zairulliati@st.gov.my/ritz@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.